

Kerusi pembangkang **'UMNO MAMPU RAMPAS'**

KUALA LUMPUR, Rabu — UMNO mampu merampas kerusi parti pembangkang di samping mempertahankan kerusinya dalam pilihanraya umum akan datang, kata Setiausaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustafa Jabar hari ini.

Beliau menegaskan, kejayaan ini pasti akan dapat dicapai sekiranya ahli-ahli UMNO tidak berpecah sama sendiri di

samping menggerakkan jentera pilihanraya bahagian-bahagian dengan rapi dan berkesan.

"UMNO hendaklah kukuh perpaduannya dan sebarang perselisihan di kalangan anggota parti hendaklah diatasi segera atas semangat demokrasi," tegas beliau lagi.

UMNO kini mempunyai 70 kerusi Dewan Rakyat manakala PAS lima kerusi saja, DAP 12 manakala yang lain terdiri dari parti komponen.

Datuk Haji Mustafa menegaskan, UMNO memang sentiasa bersedia sedia menghadapi pilihanraya umum bila-bila masa saja.

Katanya, peralapan parti dibuat sepanjang masa kerana UMNO sebagai sebuah parti politik sentiasa memberi khidmat bakti kepada rakyat jelata negara ini.

"Jasa dan bakti yang diberi oleh UMNO tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak pun melainkan parti pembangkang.

Dirujuk

"Mereka itu bukan tidak tahu kerajaan telah menyumbang tenaga yang besar kepada negara tetapi sengaja memperkecil-kecilkan jasa tersebut," katanya.

Mengenai masalah Bahagian Ranau Panjang, Setiausaha Agung UMNO itu menyatakan, Perhubungan UMNO Kelantan akan bermesyuarat pada 19 Februari ini untuk memutuskan perkara berkenaan.

Katanya, jika masalah tersebut tidak dapat diselesaikan barulah ia akan dirujuk kepada ibu pejabat UMNO untuk diselesaikan.

"Saya telah menghantar surat kepada perhubungan mengenai perkara tersebut dan meminta menyelesaikan sendiri masalah yang timbul.

"Jika boleh didaftarkan, ia lebih elok didaftarkan saja," jelas beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia